

**NO SOALAN :65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ  
(RAUB)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.06.2015**

**Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [ RAUB ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) Arul Kanda , CEO 1MDB dilaporkan telah mengemukakan dokumen palsu mengenai penyata bank Brazen Sky Ltd. Apakah tindakan yang diambil keatas CEO ini yang memalukan nama baik syarikat strategik Malaysia 1MDB; dan
- (b) pada jawapan untuk soalan nombor 59 yang saya kemukakan pada 10-3-2015, Menteri Kewangan menyatakan bahawa wang sebanyak USD1.103 billion disimpan dalam BSI Singapore. BSI telah menafikan perkara ini dengan menyebut fakta pembohongan dokumen oleh Arul Kanda.

Soalannya dimanakah wang itu sebenarnya.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan pada 19 Mei 2015 melalui jawapan kepada YB Tuan Tony Pua Kiam Wee telah menjelaskan bahawa baki pelaburan yang telah ditebus (*redeemed*, dengan izin) oleh 1MDB adalah dalam bentuk aset di dalam mata wang US Dollar di sebuah bank di Singapura bertujuan untuk mengimbangi liabiliti US Dollar syarikat. Bank ini merupakan penjaga (*custodian*, dengan izin) bagi pihak 1MDB untuk aset tersebut.